



## POLISI PENGGUNAAN ATURCARA/PERISIAN/LAIN-LAIN BAHAN BERBENTUK DIGITAL

Tarikh Kuatkuasa	21 Feb 2005	Pindaan		Diluluskan Oleh	_____ Naib Canselor UNISEL
------------------	-------------	---------	--	-----------------	-------------------------------

### 2.1 Tujuan Polisi

Polisi ini menyatakan tanggungjawab dan peranan pengguna dan pihak UNISEL dalam menggunakan aturcara/perisian/lain-lain bahan berbentuk digital (selepas ini disebut perisian).

### 2.2 Skop Polisi

Melibatkan semua perisian yang dimiliki atau digunakan atau berada di dalam simpanan pengguna, bagi tujuan penggunaan hal-hal berkaitan universiti, tidak kira di mana perisian itu berada.

### 2.3 Polisi Penggunaan

#### 2.3.1 Hakmilik

Semua perisian yang diperolehi untuk atau bagi pihak UNISEL atau semua perisian yang dibangunkan oleh staf atau pelajar UNISEL untuk tujuan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan atau pentadbiran adalah menjadi hakmilik UNISEL.

Bagi perisian yang dibangunkan, maklumat tentang semua pengarang/pencipta mestilah dikekalkan.

Semua perisian hakmilik UNISEL tidak dibenarkan dijual, disewa, dilesenkan semula, dipinjam, disebar atau diberi kepada sesiapa atau entiti tanpa kebenaran JPPICT.

#### 2.3.2 Kelulusan Penggunaan

Semua perisian yang diperolehi perlu mendapat kelulusan daripada pihak pembekal atau pembangun perisian dan digunakan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak pembekal atau pembangun. UNISEL tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang penyalahgunaan perisian, termasuk penggunaan tanpa lesen yang dilakukan oleh pengguna.

#### 2.3.3 Tanggungjawab Pengguna

Setiap pengguna secara peribadinya bertanggungjawab untuk membaca, memahami dan mematuhi Peraturan Penggunaan dan Pelesenan bagi setiap perisian yang digunakan.

Setiap pengguna tidak dibenarkan memindahturun dan membuat instalasi perisian yang boleh mendatangkan kemudharatan dan kerosakan kepada komputer dan rangkaian UNISELNet.